



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN

UHMS 1182 – 23 (PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

REFLEKSI (TUGASAN BERKUMPULAN)

KUMPULAN 2

AHLI KUMPULAN

NAMA	NO. MATRIK
1. ADRINA ASYIQIN BINTI MD ADHA	A20EC0174
2. CHONG KAI ZHE	A20EC0186
3. KELVIN EE	A20EC0195
4. MADIHAH BINTI CHE ZABRI	A20EC0074
5. NAYLI NABIHAH BINTI JASNI	A20EC0105
6. QAISARA BINTI ROHZAN	A20EC0133
7. TERENCE A/L LOORTHANATHAN	A20EC0165

DISERAHKAN KEPADA:

DR. FAIZAH BINTI MOHD FAKHRUDDIN

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
KANDUNGAN	/13
SUSUNAN/STRUKTUR	/5
CARA PENULISAN	/2
TOTAL	/20

REFLEKSI

Perasaan kumpulan kami setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek 'Penghayatan Etika dan Peradaban' ialah perasaan cinta akan tradisi dan budaya pelbagai kaum. Oleh kerana hal tersebut, kami dapat motivasi untuk mendalami subjek ini secara teliti. Lebih-lebih lagi, kami juga menghargai akan budaya dan tradisi semua kaum di Malaysia yang tidak boleh dinafikan sangat unik. Dengan ini, kami juga mengambil inisiatif untuk merasa makanan-makanan tradisional dan menghayati budaya jiran saya. Bukan itu sahaja, dalam kelas 'Penghayatan Etika dan Peradaban' kami juga mempunyai kawan-kawan dari kaum lain dan bergaul bersama mereka. Tidak boleh dinafikan bahawa perkara ini hanya meningkatkan sesi percambahan fikiran yang akan diadakan sebelum kami melakukan apa-apa tugas kumpulan. Perbincangan etika-etika yang diamalkan antara kumpulan yang terdiri daripada berbilang kaum, secara tidak langsung akan mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli kumpulan. Di samping itu, kami juga mengambil langkah untuk mengetahui tentang budaya masyarakat di luar Malaysia. Dengan ini, kami lebih menghargai akan kedamaian antara kaum yang tidak boleh dicapai oleh banyak masyarakat luar Malaysia. Selain itu, kami juga mendapat banyak informasi untuk mendalami ilmu dan membantu kami dalam perantauan untuk menghayati etika dan peradaban.

BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

- i. Apakah moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada subjek ini? Berikan huraian, contoh (isu-isu semasa) serta analisis yang lengkap dan menyeluruh. Setiap peradaban mempunyai etika yang tersendiri namun terdapat persamaan yang dapat mewujudkan negara yang aman damai dan menuju ke arah yang lebih baik. Menurut peradaban Barat, etika bermaksud sikap dan adat yang menentukan tingkahlaku sesebuah masyarakat. Pada hari ini, etika diguna pakai sebagai panduan dalam menentukan sesuatu tindakan sama ada baik atau buruk.. Etika seseorang itu akan menggambarkan peribadi dan budi pekertinya. Dalam peradaban Arab, al-Quran dan hadith merupakan dua sumber kepada manusia dalam melakukan sesuatu tindakan. Nilai murni yang kami pelajari daripada subjek ini adalah nilai keadilan. Nilai ini amat penting kerana orang lain akan turut menerima manfaat jika kita berkelakuan adil dan kita akan disanjung serta menjadi contoh kepada masyarakat. Sebagai contoh, keadilan dalam kalangan rakyat iaitu golongan kaya dan miskin saling membantu antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat melalui pelbagai bantuan yang disalurkan oleh kerajaan Malaysia kepada rakyat dari golongan B40 sejak pandemik koronavirus merebak di negara ini. Bantuan yang diberikan oleh seorang usahawan berbangsa Cina yang dikenali dengan nama Ebit Lew atau lebih mesra sebagai Ustaz Ebit Lew juga telah membuka mata masyarakat agar mempunyai perasaan untuk berkongsi rezeki dan membantu orang susah. Malahan, bantuan juga boleh dilakukan melalui aktiviti sukarelawan. Selain itu, kami belajar untuk memupuk kualiti berusaha memiliki ilmu pengetahuan agar dapat meluaskan fikiran serta menguasai kemahiran yang kami ceburi agar dapat menjadi kelas pekerja yang terbaik. Pada zaman ini, ramai individu

yang mementingkan ilmu pengetahuan malah kebiasaannya, pemimpin dipilih daripada golongan intelektual agar dapat memimpin dengan tindakan yang rasional sekaligus dapat memajukan negara. Pada hari ini, tidak dapat dinafikan lagi semua yang bergelar sebagai pemimpin perlu mempunyai ilmu atau kelulusan yang tinggi. Prinsip kejujuran juga merupakan salah satu nilai yang penting dalam kalangan manusia. Tanpa pemimpin yang jujur, maka akan berlakunya penyelewengan serta tidak amanah dalam memikul tanggungjawab. Ketidakjujuran juga boleh membawa kepada huru hara. Sebagai contoh, fitnah atau tuduhan yang dilemparkan oleh seorang gadis ke atas Noor Neelofa Mohd Noor baru-baru ini. Hal ini membuktikan kewujudan etika negara amat penting dalam mengekalkan keamanan mengikut undang-undang negara. Di samping itu, kami juga dapat mempelajari empat prinsip-prinsip asas etika iaitu prinsip nilai hidup manusia, prinsip kebaikan dan keburukan, prinsip keadilan dan kesaksamaan serta prinsip kebebasan. Prinsip-prinsip ini mudah diterima dan penting untuk dijadikan panduan oleh manusia seluruh dunia. Hal ini kerana prinsip tersebut sangat relevan dalam kehidupan seharian manusia tidak kira terhadap individu, masyarakat mahupun negara.

- ii. Bagaimanakah subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut intelektual serta psikologi?

Subjek ini memberi kesan kepada kami dari sudut intelektual serta psikologi kerana etika sedikit sebanyak akan mempengaruhi gaya berfikir, bercakap dan kelakuan seseorang individu tersebut. Kita dapat melihat bahawa semakin tinggi ilmu seseorang tersebut, semakin tinggi nilai etika individu berkenaan. Orang yang beretika akan berfikir dahulu sebelum bertindak. Dalam dunia sosial media, ramai yang bertindak tanpa berfikir dahulu

seperti menulis komen dengan bahasa yang tidak sopan. Hal ini akan menimbulkan perspektif yang negatif terhadap diri mereka. Rata-rata individu pada era ini amat mementingkan pendidikan namun mengabaikan nilai-nilai etika. Dengan mempelajari subjek ini, kami dapat menjadi seorang yang bukan sahaja intelektual dari segi pemikiran, malah selari dengan perbuatan. Kebanyakan sarjana etika percaya sifat baik dan sifat jahat merupakan punca yang mewujudkan masalah kepada kelakuan beretika seseorang individu. Sifat-sifat tersebut tidak boleh diubah kerana ia adalah sifat semulajadi yang sentiasa ada dalam diri manusia. Namun begitu, sifat yang munasabah dan daya intelektual dapat menjadikan kami sebagai manusia agar berpandukan nilai etika dan peraturan apabila terdorong untuk melakukan sesuatu perkara atau tindakan. Berpandukan etika, kami dapat membuat pilihan yang lebih munasabah dan sentiasa mempertimbangkan kebaikan dan keburukan yang terjadi daripada sesuatu tindakan yang diambil.

- iii. Apakah cabaran yang anda hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini?

Antara cabaran yang kami hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini ialah kami perlu belajar secara dalam talian. Hal ini menyebabkan kami sukar untuk memahami apa yang kami telah pelajari dan mudah hilang fokus berbanding belajar secara bersemuka. Namun begitu, cabaran ini dapat dikurangkan dengan pelbagai teknik mengajar yang digunakan oleh pensyarah seperti forum, video dan pembelajaran dua hala. Tambahan pula, terdapat buku elektronik yang diberikan sebagai rujukan kepada kami dan memudahkan kami untuk mengulang kaji.

BAB 2: TEORI-TEORI ETIKA

- i. Apakah moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada subjek ini? Berikan huraian, contoh (isu-isu semasa) serta analisis yang lengkap dan menyeluruh.

Pada bab ini, kami dapat mengenal pasti kepentingan hidup bermasyarakat dan juga membandingkan kesan baik dan buruk ketika membuat sesuatu perkara. Sebagai contohnya, apabila kita melihat seorang peminta sedekah, tetapi kita tidak mempunyai wang untuk memberinya. Sesetengah individu mungkin akan berfikir dan beranggapan bahawa orang lain akan menolongnya. Individu lain pula akan sedaya upaya menolong peminta sedekah itu dengan pelbagai cara. Seperti membawa peminta sedekah itu ke lokasi yang lebih selamat ataupun mengumpul dana supaya dapat disumbangkan kepada individu itu. Terdapat juga individu yang mungkin akan mengambil tindakan lebih ekstrem seperti mencuri wang atau makanan untuk diberikan kepada peminta sedekah itu. Niat yang terdapat pada setiap individu ini merupakan niat yang baik tetapi cara yang diambil mungkin tidak beberapa tepat. Walaupun niatnya baik, apabila kita mengambil inisiatif yang salah, tetap akan dihukum salah, kerana mencuri merupakan perbuatan yang tidak bermoral.
- ii. Bagaimanakah subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut intelektual serta psikologi?

Subjek ini memberi kami kesedaran bahawa setiap teori dapat dijumpai di dunia sebenar. Sebagai contohnya, negara asia amat berpegang teguh dengan hidup bermasyarakat

manakala negara barat kebanyakannya lebih kepada hidup secara individu. Oleh itu, kita hendaklah mengikut budaya pada setiap negara.

- iii. Apakah cabaran yang anda hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini?

Cabaran yang dihadapi adalah, terdapat terlampau banyak teori yang berbeza definisi. Kefahaman setiap teori juga amat berbeza. Untuk menyempurnakan tugas ini, kami perlu membezakan setiap teori dengan menggunakan contoh, dan isu semasa. Ini kerana terdapat pemahaman yang berlainan bagi setiap ahli kumpulan.

BAB 3: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: ISLAM & MELAYU

- i. Apakah moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada subjek ini? Berikan huraian, contoh (isu-isu semasa) serta analisis yang lengkap dan menyeluruh. Nilai yang terdapat pada bab ini adalah nilai etika dan integriti. Dalam kalimah Arab, etika disebut akhlaq iaitu perilaku atau budi pekerti seseorang itu. Interaksi sesama manusia akan menyebabkan nilai-nilai keperibadiannya seperti jujur, amanah, menepati janji dan berwibawa dapat diperlihatkan. Bahkan dalam interaksi sesama manusia, kita dapat menilai sama ada seseorang tu dapat dijadikan kawan atau sahabat. Dalam interaksi sesama manusia, nilai integriti dan pematuhan etika atau penghayatan nilai-nilai murnilah yang paling diutamakan. Dalam Islam, ini ditekankan dalam beberapa konsep seperti taqwa dan amal soleh.

- ii. Bagaimanakah subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut intelektual serta psikologi?

Bab ini memberi kesedaran kepada kami bahawa tamadun melayu amatlah memegang pada ajaran Islam. Nilai-nilai yang diamalkan dalam masyarakat melayu juga dapat dijumpai dalam Al-quran dan As-Sunnah. Pada pendapat saya, terdapat banyak nilai yang perlu dan patut diamalkan dalam masyarakat melayu pada zaman ini. Sebagai contohnya, amalan memberi salam. Ramai yang tidak mengamalkan walhal terdapat banyak kebaikannya.

- iii. Apakah cabaran yang anda hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini?

Cabaran dalam menyempurnakan tugas ini adalah, ayat-ayat Al-Quran perlulah difahami dengan betul. Kerana mungkin terdapat kesalah pada bahagian tafsirannya. Tafsiran perlulah tepat dan tidak bercanggah dengan apa yang patut disampaikan

BAB 4: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: CHINA, INDIAN & BARAT

- i. Apakah moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada subjek ini? Berikan huraian, contoh (isu-isu semasa) serta analisis yang lengkap dan menyeluruh. Dalam subjek ini, terkandung pelbagai moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang kami pelajari. Kami mempelajari banyak nilai, moral, kemahiran, dan kualiti melalui falsafah dan budaya masyarakat kuno. Antara tamadun yang diperkenalkan kepada kami melalui subjek ini ialah Tamadun China, India dan Tamadun Barat. Mengapakah masyarakat China purba tidak pernah dijajah oleh tamadun asing?. Soalan tersebut dapat

dijawab oleh subjek ini, antara faktor yang menyebabkan China bebas daripada ancaman luar ialah masyarakat China mengamalkan tradisi kampung dan sistem kekeluargaan berasaskan “extended family”. Dengan ini, dapatlah kami mengetahui kepentingan semangat kekitaan antara satu sama lain untuk mengelakkan ancaman dari pihak asing. Selain itu, konsep zhongyong dari tamadun cina mengajar saya satu idea yang merangkumi semua hubungan dan setiap aktiviti kehidupan manusia idea ini juga merangkumi elemen dari Konsep yin yang. Seperti contoh, setiap individu perlu mempraktikkan nilai kesederhanaan dalam setiap situasi untuk mengelakkan daripada situasi yang akan memudaratkan diri. Daripada tamadun cina juga, prinsip filial piety memberi kami akal untuk mentaati ibu bapa dan memberi bakti kepada mereka. Melalui tamadun India pula, kami mempelajari Konsep “Dewi Ibu” iaitu tuhan yang dikatakan bersifat keibuan. Setelah membuat analisis, kami boleh lihat bahawa Masyarakat Malaysia juga mengamalkan konsep ini dengan menghormati orang tua. Antara kualiti yang biasa dikaitkan dengan Tamadun India dan Masyarakat Asia yang merangkumi Masyarakat Malaysia ialah kualiti menjaga kebersihan dengan baik. Dalam Tamadun India jika seseorang itu membersihkan badannya, dia perlu mengingati bahawa jiwanya juga perlu turut dibersihkan. Di Malaysia pula, ada banyak amalan yang berkait dengan kebersihan seperti amalan gotong-royong yang juga memperbaiki semangat kekitaan yang diterjemahi dari tamadun cina. Dari Tamadun Barat pula, secara khusus dari Tamadun Greek dan Rom kami mempelajari kepentingan nilai yang membentuk keperibadian budiman. Pada pendapat masyarakat tamadun Greek, pembinaan keperibadian budiman atau berintegriti merupakan suatu yang amat penting bagi membina kebahagiaan masyarakat dan kejayaan negara. Ciri-ciri integriti dalam seseorang juga disanjung tinggi oleh masyarakat Rom purba.

- ii. Bagaimanakah subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut intelektual serta psikologi?

Subjek ini memberi kesan kepada diri kami dari sudut intelektual dan psikologi. Dengan analisis yang teliti dapat kami menerapkan segala prinsip tamadun-tamadun purba dari sudut intelektual dan psikologi. Dari sudut tamadun India, kami mendapati bahawa nilai yang diamalkan untuk berkembang dari sudut intelektual dan psikologi ialah hidup bermaruah dan kenal malu. Tidak boleh dinafikan bahawa, kalau seseorang individu tidak menonjol dari segi intelektual atau psikologi maka individu tersebut akan dipandang rendah oleh masyarakat sekeliling. Hal ini dapat dilihat dalam masyarakat Malaysia juga, ibu bapa mahukan anak mereka menonjol dari segi intelektual supaya nama keluarga dapat diharumkan. Kami juga dapat melihat Tamadun Barat memberi pandangan mereka melalui tokoh-tokoh falsafah Socrates dan Plato yang mengatakan “kebaikan adalah ilmu”. Socrates dan Plato berpendapat bahawa seseorang yang bijaksana tidak akan melakukan kesalahan. Pendapat Socrates dan Plato ini ada korelasi dengan Chih ataupun Zhi iaitu satu daripada 5 amalan mulia dari Tamadun Cina. Chih atau Zhi menerangkan kebolehan individu membuat keputusan untuk bertindak, bersikap futuristik, mengambil kira kebarangkalian situasi atau impak yang bakal dialaminya daripada tindakannya. Secara tidak langsung, konsep Chih atau Zhi juga berpendapat bahawa seseorang yang bijak tidak akan melakukan banyak kesalahan. Dengan ini, kami mendapati bahawa subjek ini mengajar kami untuk bersikap futuristik dan mengambil berat tentang aspek intelektual diri sendiri supaya dapat menyelesaikan masalah dengan cekap ataupun dapat elakkan diri daripada masalah tersebut. Dari sudut psikologi pula Socrates dan Plato berpendapat

bahawa emosi mempengaruhi akhlak manusia. Hal ini sangat benar kerana, dengan emosi yang tidak stabil manusia boleh membuat tindakan yang tidak rasional atau bijak. Dalam masyarakat Malaysia, adanya satu amalan di mana setiap cabaran perlulah dihadapi dengan kepala dingin. Hal ini dapat dilihat apabila masyarakat Malaysia menghadapi cabaran Covid-19 dengan sabar.

- iii. Apakah cabaran yang anda hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini?

Antara cabaran yang kami hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini ialah tidak mempunyai buku yang dicetak. Oleh itu, terpaksa menggunakan E-book untuk menyempurnakan tugas ini dengan medium-medium seperti telefon bimbit. Hal ini sangatlah memudaratkan kerana selalunya medium-medium ini selalu digunakan untuk hiburan diri sendiri. Oleh sebab hal tersebut, kami senang hilang fokus terhadap tugas ini.

BAB 5: KESEPADUAN NASIONAL

- i. Apakah moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada subjek ini? Berikan huraian, contoh (isu-isu semasa) serta analisis yang lengkap dan menyeluruh. Dalam topik subjek ini yang terkandung dengan pelbagai moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran, kami mampu mempelajari kepentingan pemantapan kesepaduan nasional melalui etika dan peradaban. Hal ini demikian kerana kita dapat memahami konsep kesepaduan sosial dan kesepaduan nasional serta menjelaskan proses dan usaha ke arah mencapai kesepaduan nasional. Paling pertama sekali, kita tahu bahawa kesepaduan social

merupakan elemen yang signifikan bagi memastikan sesebuah komuniti berada dalam keadaan harmoni dan aman kerana ia menjalin hubungan Kerjasama antara kaum. Tidak dapat dinafikan bahawa negara Malaysia merupakan sesebuah negara yang unik yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti kaum Melayu, kaum Cina, kaum India, kaum Iban dan sebagainya. Namun demikian, kita hidup dengan aman selama berpuluh-puluh tahun. Hal ini demikian kerana setiap anggota masyarakat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta memiliki perasaan cinta dan bangga kepada tanah air. Tokoh sosiologi seperti Shamsul Amri Baharuddin, Emile Durkheim dan Ibn Khaldun menekankan konsep kesepaduan masyarakat dalam mewujudkan sesebuah masyarakat yang berbilang etnik. Selain itu, kita dapat mempelajari tentang nilai kesedaran kolektif yang menunjukkan bahawa masyarakat dikawal oleh sistem kepercayaan dan agama selain daripada adat resam dalam masyarakat simple. Menurut Ibn Khaldun, kawalan sosial dalam masyarakat simple adalah berdasarkan kepada kepimpinan. Oleh yang demikian, mereka memerlukan pemimpin yang baik yang dapat menggunakan kekuasaan itu untuk kepentingan rakyat atau pengikut bagi mengelakkan daripada berlakunya perpecahan semangat kekitaan. Sebagai contohnya, Dr Noor Hisham Abdullah yang merupakan Ketua Pengarah Kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia memimpin dan mempengaruhi pengikutnya untuk mengawal serta menyelesaikan pandemik Covid-19 yang melanda negara kita. Bukan itu sahaja, Semenjak terjadinya rusuhan etnik pada 13hb. Mei 1969, Malaysia telah menjadikan 'perpaduan nasional' sebagai matlamat akhir utama untuk dicapai, khususnya, melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancar pada tahun 1971. Kita tahulah bahawa konflik kesepaduan sosial berlaku apabila nilai bersama dalam kalangan mereka tidak dihayati dan dikongsi bersama.

- ii. Bagaimanakah subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut intelektual serta psikologi?

Subjek ini memberi kesan kepada saya bahawa kepentingan untuk memastikan kesepaduan nasional di negara kita. Sebagai seorang insan, kita haruslah peka dan berminat memahami budaya kaum-kaum yang lain. Dengan ini, perbezaan-perbezaan dari aspek etnisiti, agama, bahasa, politik, kelas sosial, gender dan antara generasi boleh diatasi dan disusun kerana masyarakat perlu mencapai keamanan dan kestabilan serta meneruskan kelangsungan hidup kita. Saya juga belajar untuk menghormati set nilai yang mendasari masyarakat Malaysia dan masyarakat serantau seperti nilai hormat menghormati, menjalin keharmonian, menjaga maruah sesama kaum, mengiktiraf simbol dan ekspresi setiap ahli masyarakat.

- iii. Apakah cabaran yang anda hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini?

Antara cabaran yang saya menghadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini ialah tidak mempunyai sumber buku yang mencukupi. Hanya segelintir maklumat dapat dicapai melalui slide yang disediakan oleh Dr dan maklumat yang dikumpul dalam internet. Selain itu, kita tidak dapat mengadakan sesi perbincangan antara kumpulan. Ini menyusahkan kita bagi melakukan tugas ini bersama-sama dan memaksimumkan semangat kekitaan dan bekerjasama.

BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA
& PERADABAN DI MALAYSIA

- i. Apakah moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada subjek ini? Berikan huraian, contoh (isu-isu semasa) serta analisis yang lengkap dan menyeluruh. Melalui subjek penghayatan etika dan peradaban, terdapat satu bab yang menekankan tentang Perlembagaan Malaysia yang menjadi panduan buat seluruh individu di Malaysia sehingga ke hari ini. Perlembagaan Malaysia ialah satu bentuk undang-undang bertulis yang menjadi titik tunjuk buat rakyat dan pemerintah Malaysia dalam pelbagai perkara serta merupakan undang-undang tertinggi yang wujud di negara ini. Berdasarkan bab enam subjek penghayatan etika dan peradaban, pelbagai moral, nilai murni, kualiti dan kemahiran yang dapat kami pelajari dan guna pakai dalam kehidupan harian. Melalui subjek ini, kami dapat memahami sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan satu aset yang kritikal dalam pembentukan negara Malaysia. Dengan mempelajari hal ini, terdapat beberapa nilai murni serta moral yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan sebagai seorang individu dan masyarakat. Nilai murni yang pertama ialah nilai kerjasama. Nilai kerjasama merupakan kunci terpenting dalam pembentukan Perlembagaan Persekutuan kerana dengan kerjasama di antara sesama individu tanpa mengira agama mahupun bangsa adalah satu perkara berjaya membuka minda kerajaan British untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai negara yang merdeka. Pada tahun 1955, Pilihanraya Umum 1955 telah dilaksanakan bagi memupuk sikap kerjasama antara kaum di Tanah Melayu dan ternyata dengan peristiwa ini, dapat dilihat bahawa kerjasama di antara kaum di Tanah Melayu mula membuahkan hasil apabila Parti Perikatan yang terdiri

daripada tiga kaum terbesar di Tanah Melayu, kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India, berjaya memenangi majoriti kerusi yang dipertandingkan dengan kerjasama yang dimiliki semasa itu. Peristiwa inilah yang menyebabkan kerajaan British berfikir positif untuk mengisytiharkan Tanah Melayu sebagai negara yang merdeka. Kerjasama di antara individu tanpa mengira kaum merupakan elemen yang menjadi penyebab kukuh kepada kemerdekaan negara ini. Jadi, nilai kerjasama merupakan salah satu nilai murni yang dapat diamalkan semua individu untuk mendapat kehidupan yang aman dan harmoni. Seterusnya, nilai yang kedua ialah nilai ketaatan. Satu negara yang aman dapat dibentuk melalui ketaatan rakyat kepada pemerintahnya. Ketaatan ialah satu nilai murni yang digunakan untuk membuat setiap rakyat Malaysia kerana dengan ketaatanlah negara ini mampu merdeka sehingga ke hari ini. Peristiwa yang jelas menampakkan ketaatan rakyat pada raja ialah apabila pihak British memaksa Raja-raja Melayu untuk menandatangani persetujuan ke atas perlembagaan Malayan Union. Perlembagaan Malayan Union merupakan satu tamparan yang besar buat rakyat Tanah Melayu kerana kuasa Raja-raja Melayu terhapus dan hanya berhak untuk berkuasa soal hal agama sahaja. Malayan Union menjadikan Gabenor sebagai kuasa tertinggi yang menyebabkan Raja-raja Melayu tidak mempunyai apa-apa kelayakan untuk menguruskan urusan di Tanah Melayu. Rakyat biasa di Tanah Melayu mula merasakan Malayan Union sebagai satu ancaman pada mereka apabila hak Raja-raja Melayu dirampas oleh Gabenor British dan telah melancarkan rapat umum bagi menentang perlembagaan Malayan Union. Disebabkan sikap rakyat yang sangat taat kepada rajanya, perlembagaan Malayan Union berjaya dibubarkan dan hal ini telah menjadi batu loncatan kepada Tanah Melayu untuk mencapai kemerdekaan yang diinginkan selama ini.

- ii. Bagaimanakah subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut intelektual serta psikologi?

Subjek penghayatan etika dan peradaban telah menyentuh pelbagai kategori perkara yang mampu membuat minda setiap individu yang mempelajarinya lebih aktif untuk memikirkan tentang topik-topik yang diselitkan di dalam subjek ini. Dalam bab enam subjek ini menegaskan tentang perlembagaan di Malaysia dan topik ini merupakan satu topik yang penting buat pelajar untuk ketahui segala sejarah dan konsep perlembagaan di negara ini. Bab ini juga telah merangsang fikiran individu dari segi intelektual dan psikologi. Intelektual menengahkan tentang daya tinggi pemikiran manusia manakala psikologi pula berfokus pada tingkah laku serta minda manusia. Bab ini mampu membuat pelajar faham serta menghayati isi kandungan serta sejarah bagaimana terbentuknya sebuah negara yang dinamakan Malaysia. Segala peristiwa yang membawa kepada kemerdekaan Malaysia telah menunjukkan bahawa kemerdekaan bukan hanya boleh didapati melalui pertumpahan darah semata-mata. Perpaduan serta taat setia yang kukuh merupakan tonggak kepada kemerdekaan Malaysia yang dapat kita rasakan sehingga ke hari ini.

- iii. Apakah cabaran yang anda hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini?

Setiap tugas yang diberi pasti ada cabaran dalam proses menyelesaikannya. Buat masa ini, kami menjalani sesi pembelajaran melalui atas talian yang bermaksud bahawa kami tidak bersemuka dengan mana-mana individu termasuk ahli kumpulan dan juga tenaga pengajar. Salah satu cabaran yang dihadapi semasa menyelesaikan tugas ini ialah kami tidak dapat bertanya pada pensyarah secara bersemuka jika mempunyai apa-apa soalan

yang berkaitan dengan subjek ini dan hanya boleh meninggalkan mesej melalui aplikasi digital seperti Whatsapp jika mempunyai apa-apa soalan yang ingin diajukan. Cabaran yang seterusnya ialah kekurangan sumber rujukan di rumah. Dengan adanya pandemik Covid-19, kami hanya disediakan dengan e-book sebagai rujukan dan tidak dapat ke perpustakaan untuk dapatkan lebih banyak informasi tentang tajuk yang berkaitan. Namun, hal ini dapat diselesaikan dengan mencari informasi melalui internet tetapi setiap sumber informasi perlu ditapis terlebih dahulu kerana kesahihannya tidak dapat dipercayai sepenuhnya.

BAB 7: PENERAPAN ETIKA & PERADABAN DALAM BUDAYA **& KOMUNIKASI KONTEMPORARI**

- i. Apakah moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada subjek ini? Berikan huraian, contoh (isu-isu semasa) serta analisis yang lengkap dan menyeluruh. Penerapan etika dan peradaban dalam budaya dan komunikasi temporari merupakan suatu elemen yang amat penting dalam membangunkan sesebuah masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, etika dan peradaban merupakan cerminan tingkah laku dan pemikiran seseorang individu. Tajuk ini memfokuskan kepada erti serta etika dalam mengamalkan amalan kebebasan bersuara, kewujudan media massa dan budaya hedonisme yang dibawa ambil dari negara asing di Malaysia. Menelusuri era pasca-modernisme kini, kesemua fokus tajuk ini sememangnya wajar diambil perhatian yang lebih oleh warga negara Malaysia. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai bilangan kaum, etnik dan agama yang pelbagai. Oleh itu, terdapat beberapa perkara yang perlu kita sematkan dalam sanubari kita supaya tidak berlakunya lagi

peristiwa yang tidak bermoral seperti Peristiwa 13 Mei. Peristiwa pahit yang berpaksikan isu perkauman itu telah menjatuhkan keamanan negara serta meragut nyawa ramai individu. Antara nilai yang boleh diekstrak dari pembelajaran tajuk ini adalah nilai tanggungjawab. Sebagai seorang warganegara Malaysia, kita seharusnya bertanggungjawab dengan perilaku dan ucapan kita. Sebagai contoh, kita perlulah tidak menyentuh perkara-perkara yang menggugat sensitiviti kaum dan agama. Seterusnya adalah nilai hormat-menghormati. Kita seharusnya menghormati budaya dan adat resam kaum serta cara hidup mereka. Ketika menggunakan media massa pula, kita seharusnya menghormati privasi diri serta orang lain. Sebagai orang yang berpelajaran kita wajar menghindarkan diri daripada menyebarkan aib dan fitnah di laman social serta tidak menyebarkan kandungan yang berunsur lucah. Acap kali berlakunya di media social adalah individu yang sering menggunakan stereotaip kaum untuk membatu apikan pergaduhan di atas talian. Antara panggilan yang digunakan adalah ‘Melayu Malas’, ‘Cina Tamak’ dan ‘India Pemabuk’. Panggilan-panggilan ini bukan sahaja meningkatkan perasaan benci terhadap kaum lain malah memutuskan perpaduan antara kaum di Malaysia yang sedia ada. Sejak kebelakangan ini, budaya hedonism sudahpun diamalkan oleh masyarakat sejagat tidak mengira usia tua atau muda. Melalui tajuk ini juga, kumpulan kami lebih sedia maklum tentang contoh-contoh budaya hedonistik yang berlaku disekeliling kami. Budaya ini telah menghapuskan adat dan budaya tempatan kita sedikit demi sedikit. Oleh itu, wajarlah kita menghindari amalam hedonistik seperti pergi ke kelab malam dan disko, berjudi, membeli-belah tanpa had dan sebagainya.

- ii. Bagaimanakah subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut intelektual serta psikologi?

Tajuk ini sememangnya memberi kesan yang mendalam kepada kumpulan kami yang terdiri dari ahli kumpulan yang berbeza kaum dan agama. Setelah menelusuri perincian bab penerapan etika dan peradaban dalam budaya dan komunikasi kontemporari ini, banyak pengajaran yang telah kami dapati. Antaranya adalah kepentingan dan etika dalam mengamalkan kebebasan bersuara di mana isu-isu sensitif yang melibatkan sentiment kaum dan agama seharusnya dielakkan bagi memastikan keselamatan dan perpaduan nasional terjamin. Kumpulan kami juga lebih peka terhadap penggunaan media masa, media cetak dan media elektronik yang betul. Kesimpulannya, banyak perkara yang perlu diambil tahu dan diambil kira dalam setiap tingkah laku dan percakapan kita supaya keamanan dan perpaduan negara terjamin.

- iii. Apakah cabaran yang anda hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini?

Antara cabaran dalam menyempurnakan tugas ini adalah kekurangan bahan rujukan yang berkualiti. Oleh sebab pandemik Covid-19 ini, kumpulan kami menghadapi kesukaran untuk merujuk bahan bacaan. Kebanyakan bahan bacaan yang boleh kami rujuk dan perolehi adalah berpandukan bahan-bahan yang sedia ada di atas talian. Selain itu, pembelajaran secara atas talian juga merupakan suatu cabaran kepada mereka yang mempunyai masalah Internet dan masalah teknikal.

BAB 8: PERANAN ETIKA & PERADABAN MENDOKONG

TANGGUNGJAWAB SOSIAL

- i. Apakah moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada subjek ini? Berikan huraian, contoh (isu-isu semasa) serta analisis yang lengkap dan menyeluruh. Dalam bab ini, saya dapat memahami tentang sejarah kemunculan prinsip tanggungjawab sosial. Prinsip tanggungjawab telah bermula daripada Industri di barat. Ketika itu, ketamakan para kapitalis mengejar keuntungan menyebabkan timbulnya isu penindasan ke atas golongan pekerja. Oleh sebab itu, pada abad ke-20, syarikat besar mula memberikan tumpuan kepada isu kecekapan dan keperluan pekerja. Selepas sejarah tentang kemunculan prinsip tanggungjawab, saya juga dapat memahami dengan pelbagai perbahagian tanggungjawab sosial. Contohnya adalah tanggungjawab sosial diri sebagai rakyat (ahli masyarakat), tanggungjawab sosial pekerja, tanggungjawab sosial organisasi / korporat (peniagaan dan ekonomi) dan tanggungjawab sosial terhadap alam sekitar. Pertama sekali apakah yang saya telah belajar dari tanggungjawab sosial diri sebagai rakyat adalah memastikan setiap tindakan yang dilakukan adalah mengikuti etika yang baik tanpa perlu pengawasan oleh agensi penguatkuasaan luaran dan ancaman. Sebagai contohnya, sebab COVID-19 ini, saya telah mengikuti arahan kerajaan dengan memakaikan pelitup muka semasa keluar dari rumah supaya tidak dijangkiti oleh COVID-19. Selepas itu, dalam tanggungjawab sosial pekerja saya dapat tahu tentang 6 sifat amanah kepada profesion atau pekerja. 6 sifat adalah jujur, berterus-terang, cekap, tekun, teliti, setia dan menyimpan rahsia. Bukan itu sahaja, saya juga dapat tahu tentang nilai-nilai etika kerja dalam aspek Islam. Nilai-nilai tersebut adalah nilai kesungguhan, ketekunan, ketelitian(Itqan),

kekeluargaan, kasih sayang, muafakat dan kebajikan yang diamalkan dalam kerangka ketakwaan kepada Allah. Dengan mengikuti sifat-sifat dan nilai-nilai, saya telah memahami tentang tanggungjawab seseorang pekerja ialah perlulah menyaipkan semua kerja yang diberikan oleh majikan dan memberikan perkhidmatan yang sama kepada semua tanpa mengira agama, warna kulit, jantina, fahaman politik dan status sosio-ekonomi. Selain itu, tanggungjawab yang ketiga ialah tanggungjawab sosial organisasi / korporat. Sebagai sebuah organisasi / korporat, kewajiannya adalah mengambil tindakan yang membantu dalam kebaikan kepada masyarakat dan juga organisasi. 7 sunjek utama tanggungjawab sosial organisasi ialah tadbir urus organisasi, hak asasi manusia, amalan buruh, alam sekitar, amalan operasi yang adil, isu-isu pengguna dan penglibatan & pembangunan masyarakat. Mengikuti prinsip tanggungjawab oleh Islam ialah Niat yang betul, tidak memudaratkan, adil, Ihsan, Amanah dan amar makruf nahi munkar. Oleh itu, sebagai organisasi yang matang, mereka perlulah seimangkan kebaikan mereka dan kebaikan terhadap masyarakat, sebab mereka menanggungkan kerja pembangunan masyarakat yang akan membawa banyak manfaat kepada masyarakat dan juga ekonomi negara. Sebagai contoh, dalam masa COVID-19 ini, sebuah organisasi yang sangat terkenal di antarabangsa telah memberikan memberikan program kepada cikgu-cikgu di negara America supaya cikgu-cikgu telah diberikan webcams dan headsets secara percuma . Tanggungjawab yang akhir ialah tanggungjawab terhadap alam sekitar, kita sebagai manusia kita perlu memahami tentang kepentingan memelihara ekosistem supaya ekosistem tidak dirosakkan oleh manusia dan mengakibatkan kemerosotan kesihatan masyarakat atau penduduk. 7 nilai yang telah diberi dalam Islam dalam memelihara alam sekitar ialah Tawazun (keseimbangan), Nasim (kesegaran, kesuburan, alam yang sihat dan

tidak tercemarar atau musnah), Jamal (keindahan atau kecantikan alam sekitar sentiasa dipelihara, dijaga dengan baik), Mahabbah (sentiasa mengasihi manusia dan makhluk lain), Ihsan (sentiasa berhati-hati dan berwaspada kerana Allah melihat tindakan kita) dan Taawun (tolong menolong, iaitu masyarakat yang bersama-sama berusaha menjaga alam sekitar dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan bersama).

- ii. Bagaimanakah subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut intelektual serta psikologi?

Dalam subjek ini, saya telah fahami kepentingan tanggungjawab dalam pelbagai aspek, bukan itu sahaja, saya juga telah tahu tentang tindakan saya amat penting untuk membawakan manfaat kepada sendiri atau kepada alam sekitar. Selain itu, saya juga mestilah mengamalkan nilai keadilan, supaya saya akan memberikan bantuan kepada orang lain tidak mengira kaum atau agama. Dengan begitu, saya amat beryakin tentang negara kita akan bangkit dan berjaya di antarabangsa.

- iii. Apakah cabaran yang anda hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini?

Cabaran yang telah saya hadapi dalam proses penyediaan adalah contoh isu-isu semasa tentang tanggungjawab pekerja tidak dapat dicarikan. Untuk menyempurnakan tugas ini, cabaran yang saya hadapi ialah tidak dapat membincangkan dengan ahli kumpulan sebab masalah Internet yang telah dihadapi oleh kita.

BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA & PERADABAN

- i. Apakah moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada subjek ini? Berikan huraian, contoh (isu-isu semasa) serta analisis yang lengkap dan menyeluruh. Wujudnya Malaysia pada hari ini adalah disebabkan kesinambungan peradaban empayar-empayar terdahulu seperti empayar Johor, Melaka, Majapahit dan sebagainya. Penjajahan atau kolonisasi telahpun menghakis identiti negara kita sedikit demi sedikit dari segala aspek termasuk dari segi politik, ekonomi dan sosial. Peradaban Tanah Melayu sudahpun wujud untuk sekian lama dan dipercayai menjangkau ratusan tahun. Sebagai warganegara Malaysia, kita seharusnya bersyukur dan berbangga dengan pengorbanan yang telah dibuat oleh nenek moyang kita. Hal ini dikatakan demikian kerana, tanpa mereka gugusan kepulauan Melayu tidak akan pernah muncul dalam peta dunia dan menjadi suatu empayar yang berjaya serta dikhuatiri ramai. Selain daripada itu, tajuk ini juga mengupas tentang cabaran yang dihadapi untuk melestarikan etika dan peradaban negara Malaysia. Etika dan peradaban merupakan suatu faktor penting yang membentuk dan membangunkan sesebuah masyarakat dan negara. Jika kita lihat dari lensa mata orang Asia, antara negara yang diagung-agungkan adalah negara Jepun dimana masyarakatnya sehingga kini mengimplementasikan etika dan peradaban mereka yang juga berusia ratusan tahun lamanya. Antara cabaran yang dihadapi oleh negara Malaysia dalam mengangkat etika dan peradaban gugusan kepulauan Melayu adalah cabaran dari segi politik, ekonomi, sosial, globalisasi dan psikologi. Jika dibandingkan era terdahulu dan zaman kini, politik negara Malaysia boleh dikatakan dalam keadaan goyah dan tidak gah seperti dahulu. Isu perebutan kuasa dalam kalangan pemimpin dan juga pergaduhan antara parti politik boleh membawa

kepada kepecahan perpaduan kaum dan masyarakat sejagat. Manakala dari segi ekonomi pula, kemasukan pendatang asing yang ramai pula akan mengurangkan peluang pekerjaan bagi jaguh tempatan. Bukan itu sahaja, kelestarian etika dan peradaban Malaysia juga akan terbantut sekiranya jurang kemiskinan terus meningkat saban tahun. Daripada perspektif yang berbeza, terdapat juga beberapa strategi yang boleh diguna pakai untuk melestarikan etika dan peradaban negara Malaysia. Antaranya adalah dengan membina pemikiran dan sikap yang selari dengan etika dan peradaban, memfokuskan kepada ilmu, nilai dan akhlak, keazaman politik dan pemertabatan etika serta peradaban. Terdapat beberapa nilai murni yang telah kumpulan perolehi. Salah satunya adalah nilai patriotisme. Setiap warganegara Malaysia seharusnya bersikap patriotik iaitu menanam sifat cinta akan negara dalam diri. Hal ini dikatakan demikian kerana, sesebuah negara tidak akan maju tanpa perjuangan serta Kerjasama rakyatnya dan tanpa mengimplementasikan etika dan peradaban terdahulu. Nilai lain adalah nilai kebijaksanaan. Setelah menelaah konteks tajuk ini, kita seharusnya menjadi seorang yang bijaksana dengan menjadi orang yang berilmu dan terpelajar agar usaha untuk melestarikan etika dan peradaban negara. Bukan itu sahaja, kita juga perlu bijaksana merangka strategi untuk membawa negara kita ke persada dunia dan juga untuk menjaga keamanan negara dari anasir-anasir buruk. Akhir sekali, antara nilai yang dapat diperolehi adalah nilai bertanggungjawab. Ia merupakan tanggungjawab kita sebagai seorang warganegara Malaysia untuk terus berusaha untuk meningkatkan martabat negara.

- ii. Bagaimanakah subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut intelektual serta psikologi?

Setelah menelaah konteks subjek ini, ia sememangnya memberi kesan yang mendalam kepada diri saya serta rakan-rakan kumpulan yang lain. Hal ini demikian kerana, saya lebih sedia maklum akan asal usul dan jati diri saya sebagai seorang warganegara Malaysia. Kita seharusnya tidak menjadi individu yang melupakan daratan ibarat kacang melupakan kulit dengan menghilangkan identiti kita sebagai seorang warga tanah air ini. Dalam apa jua pekerjaan atau tingkah laku kita, kesemuanya perlulah dilaksanakan dengan niat untuk kelestarian negara serta etika dan peradaban yang kita bawa sehingga hari ini.

- iii. Apakah cabaran yang anda hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini?

Setiap perkara yang berlaku seharusnya mempunyai cabarannya yang tersendiri. Antara cabaran yang saya hadapi adalah untuk memastikan kualiti kerja kumpulan kami terjamin. Banyak yang perlu dilaksanakan bagi memastikan mutu kerja kumpulan kami adalah baik. Cabaran lain yang telah dihadapi semasa menyiapkan bab ini adalah untuk fahami konsep tentang keterlestarian etika dan peradaban tidak mencukupi sebelum membuatkan penyelidikan dari Internet. Cabaran yang seterusnya ialah kekurangan sumber rujukan di rumah. Dengan adanya pandemik Covid-19, kami tidak dapat balik ke Universiti. Oleh itu, kami tidak dapat masuk ke perpustakaan UTM yang telah menyediakan banyak buku rujukan atau refleksi-refleksi senior kami. Kami percayalah dengan buku rujukan dan refleksi senior kami, kami akan lebih memahami tentang bab ini.

